

TEKS UCAPAN YANG DIPERTUA

Perhimpunan Korporat

10 Januari 2012 (Selasa)

8:30 pagi

Perkarangan Pintu Masuk Lobi Bangunan Ibu Pejabat MPSP

Terima kasih Pengacara Majlis

Yang Dihormati **Ahli Majlis-Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha **Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud**

Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Dihormati **Ketua-Ketua Jabatan**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Tuan-tuan dan Puan-puan Warga Kerja MPSP sekalian

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Ilahi kerana limpah kurniaNya, maka dapat kita bersama-sama berkumpul dalam Perhimpunan Korporat pagi yang mulia ini.

Tuan-Tuan dan Puan-puan sekalian,

Perhimpunan pada pagi ini, merupakan perhimpunan buat kali pertamanya diadakan pada Tahun 2012, dan juga merupakan perhimpunan kali ketiga, saya berdiri di sini bersama kakitangan MPSP, sebagai Tuan Yang DiPertua.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Ahli Majlis - Ahli Majlis bagi tahun 2012 yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri, untuk bersama-sama berganding dan bekerja sebagai satu pasukan dengan kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai. Sesungguhnya, Ahli Majlis – Ahli Majlis dan Pengurusan Atasan mempunyai tugas yang penting dalam menggubal dasar, polisi dan juga garis panduan untuk dilaksanakan di peringkat kakitangan Majlis. Dengan terbentuknya dasar dan garis panduan yang jelas ini, maka kita akan mudah menjalankan tugas dan lebih efektif.

Di sini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua kakitangan Majlis Perbadaran Seberang Perai yang telah menyumbang secara langsung atau tidak langsung terhadap pencapaian kita pada tahun lalu. Antara pencapaian MPSP tahun 2011 adalah :

- Berjaya meraih Anugerah Khas, Kategori Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) Peringkat Negeri Tahun 2010
- Menjadi Johan bagi Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan (AIPK) Peringkat Negeri Tahun 2010
- Berjaya mendapat Sijil bersih Ketua Audit Negara Tahun 2010

- Terpilih sebagai 3 Agensi Terbaik Anugerah Inovasi Kewangan (AIPK) di Peringkat Kebangsaan Tahun 2010
- Berjaya memperolehi Sijil Penghargaan Inisiatif Hijau, Sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HSBS) Tahun 2011
- Menerima Anugerah Cemerlang bagi Penarafan 5 Bintang dalam Penilaian Laman Web dan Portal Kerajaan Malaysia , Tahun 2011
- Memperolehi Persijilan Semula ISO 9001 versi 2008 dan berjaya di dalam Audit Pengawasan MS ISO 14000:2004

Tahun 2012, adalah tahun cabaran kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai dalam usaha melaksanakan Pelan Tindakan melalui 7 Fokus utama yang telah kita bentuk, untuk dilaksanakan pada tahun ini. Pelaksanaannya akan melibatkan semua kakitangan, daripada peringkat atasan hinggalah ke bawahan, yang akan dipandu oleh pihak pengurusan atasan. Pencapaian pelaksanaannya, akan menjadi sebagai kayu pengukur untuk kejayaan Tahun 2012, disamping menjalankan tugas rutin harian masing-masing mengikut fungsi-fungsi jabatan.

Tuan-Tuan dan Puan-puan sekalian,

Seperti yang tuan-tuan dan puan-puan semua sedia maklum, Buku Fokus MPSP 2012 baru sahaja dilancarkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang sebaik selepas Majlis Angkat Sumpah Ahli Majlis MPSP 2012 pada 5 Januari 2011 yang lalu. Fokus MPSP 2012 adalah merupakan pelan tindakan jangka pendek dan juga merupakan semakan terhadap pelaksanaan *Blueprint* Program Transformasi MPSP 2011-2015. Oleh itu, Fokus MPSP 2012 dengan tema "*Sustainability is Our Commitment*" menterjemah aspirasi *stakeholders* ke arah mencapai visi dan misi MPSP dan seterusnya menyokong inisiatif "Cleaner Greener Penang" yang akan memacu ke arah pencapaian Pulau Pinang iaitu untuk menjadi bandar bertaraf antarabangsa.

Perjalanan bagi pembentukan Fokus MPSP 2012, bermula dengan pelaksanaan Lab Pembentukan Fokus MPSP 2012 pada 25 November 2011 yang lalu. Hasil daripada lab tersebut, sebanyak 7 Fokus telah dikenalpasti dan sebanyak 31 Program yang telah dibentuk untuk dilaksanakan dalam tahun 2012 oleh jabatan-jabatan MPSP disertai dengan penetapan *Key Performance Indicators* (KPI) sebagai kayu pengukuran prestasi setiap jabatan yang terlibat. Sustainability Is Our Commitment atau Kemampanan Adalah Komotmen Kami menjurus kepada 7 Fokus MPSP 2012 yang telah dibentuk adalah ;

- Fokus 1 : Pembersihan dan Kehijauan
- Fokus 2 : Mewujudkan Eko-Komuniti
- Fokus 3 : Perancangan dan Pembangunan
- Fokus 4 : Penguatkuasaan
- Fokus 5 : Peningkatan Hasil dan Penjimatan Kos
- Fokus 6 : Penyertaan Komuniti Dalam Pengurusan Fiskal

- Fokus 7 : Pembinaan Kapasiti Modal Insan

Kesemua 31 Program telah dibahagikan kepada 127 aktiviti - aktiviti kecil yang akan dibuat secara berperingkat. Pemantauan perlu dibuat dari semasa ke semasa melalui pelaporan setiap bulan oleh Ketua Jabatan yang terlibat.

Tuan-Tuan dan Puan-puan sekalian,

Fokus MPSP 2012, memerlukan corak pengurusan perkhidmatan awam yang lebih kreatif untuk menambah baik dan memurnikan sistem penyampaian MPSP ke arah memenuhi aspirasi dan harapan rakyat yang sentiasa meningkat melalui pelan tindakan yang telah dirancang. Dalam usaha untuk menjayakan Fokus MPSP ini, peranan kita sebagai kakitangan MPSP amat penting dalam memberikan maklum balas yang tepat, *timely* dan saksama kepada *stakeholders*. Melalui pendekatan ini, ianya memberi ruang untuk menghasilkan *outcome* dan impak yang positif kerana pendedahan kepada kejayaan atau sebaliknya boleh menjadi teladan dan iktibar kepada organisasi lain.

Tuan-Tuan dan Puan-puan sekalian,

Melalui Ucapan Y.B. Tuan Chow Kon Yeow tempoh hari, beliau ingin melihat proses perubahan yang positif serta budaya kerja yang lebih cemerlang bagi memenuhi aspirasi rakyat. Kita disarankan untuk meningkatkan program-program pendidikan terhadap warga Seberang Perai dan memperhebatkan program-program kitar semula. Kerana sekiranya kesedaran dikalangan penduduk setempat telah mula dipupuk, kerja-kerja Majlis akan menjadi lebih mudah. Eko-komuniti hendaklah terus digalakkan supaya komuniti Seberang Perai dapat memanfaatkan dari kebersihan, kehijauan dan seterusnya menjadikan Seberang Perai sebagai “eco-town”.

Beliau turut menekankan perancangan pembangunan, dimana kita perlu pastikan pembangunan yang akan dilaksanakan dilihat dengan cara menyeluruh (holistic), mapan dan terancang. Tujuannya ialah untuk meningkatkan kualiti hidup dan pencapaian pembangunan mapan tanpa memudaratkan keupayaan generasi akan datang untuk memenuhi keperluan mereka. Dalam hubungan ini, kesedaran untuk memelihara alam sekitar melalui cara penglandskapan yang profesional dan sistematik di dalam segala rancangan pembangunan perlulah diutamakan.

Sementara Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang pula menyatakan, kita, *not only work hard*, tapi *must work smart* dan *honest*. Kerjasama Ahli Majlis-Ahli Majlis dan pihak pentadbiran perlu ada untuk mencapai bandaraya bertaraf antarabangsa. Ahli Majlis–Ahli Majlis merupakan titi penghubung diantara pentadbiran dan warga Seberang Perai perlu dimantapkan. Beliau ingin melihat Seberang Perai bersih, hijau dan selamat. Antara perkara-perkara yang ditekankan oleh Y.A.B Ketua Menteri adalah, kita perlu mempertingkatkan lagi usaha-usaha terhadap kerja-kerja pembersihan dan penguatkuasaan.

Justeru, saya amat berharap agar kita dapat bersama-sama berusaha berganding bahu menjadikan harapan Kerajaan Negeri suatu kenyataan.

Di sini, saya ingin berkongsi dengan semua kakitangan MPSP mengenai beberapa aspek yang perlu diberi penekanan dalam memastikan kejayaan setiap yang dirancang mencapai matlamat objektif yang diingini. Kita perlulah bekerja berlandaskan kepada Prinsip 3S iaitu ;

- SIKAP

Dengan mengubah sikap diri sendiri (dalaman), ia akan mengubah kejayaan kita (luaran). Sikap kita terhadap kerja, masa, wang, kejayaan, orang disekeliling, ilmu dan sebagainya.

- SISTEM

Setiap kerja yang kita laksanakan perlulah mempunyai sistem. Apa yang dimaksudkan system adalah SOP yang menjadi panduan dan memudahkan kerja kita. Prosedur kerja adalah rangkaian tata kerja yang saling berkaitan sehingga menunjukkan adanya suatu urutan tahap demi tahap yang harus dikerjakan dalam rangka penyelesaian suatu proses kerja.

- SEMANGAT BERPASUKAN

Semangat berpasukan ialah unsur yang menyatupadukan seluruh kakitangan jabatan dalam menjayakan peningkatan kualiti. Semangat ini dipraktikkan melalui kerjasama, komitmen dan penyertaan kakitangan

secara menyeluruh di dalam program-program peningkatan kualiti yang diperkenalkan oleh jabatan.

Tuan-Tuan dan Puan-puan sekalian,

Sesungguhnya kejayaan yang kita kecapai ini tidak dapat direalisasikan tanpa kerjasama yang padu daripada tuan-tuan dan puan-puan. Jadi, besarlah harapan Pengurusan Atasan kepada semua kakitangan MPSP untuk mengubah sikap kepada sikap yang positif, mempunyai perasaan bangga menjadi kakitangan MPSP. Kita boleh, kalau kita hendak, dan kita boleh melakukannya bersama-sama.

Tuan-Tuan dan Puan-puan sekalian,

Dalam memastikan pembangunan yang mampan dapat dikecapi, penyediaan dasar dan garispanduan juga penting dalam memastikan perancangan dan kawasan perancangan disediakan lebih teratur. Selain itu, perancangan perlu dipertingkatkan supaya perancangan pemprosesan dapat diteliti dengan lebih objektif. Peningkatkan hasil dan penjimatan kos juga amat penting dalam memastikan tiada kebocoran hasil dalam semua aspek iaitu yuran, denda, kompaun dan lain-lain.

Tuan-Tuan dan Puan-puan sekalian,

Kreativiti dan Inovasi adalah merupakan faktor penentu kejayaan dalam konteks pengukuhan daya saing. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan MPSP melalui Program Transformasi

dengan pelaksanaan *Business Process Reengineering* (BPR) dan juga Fokus MPSP 2012. Tujuan utama adalah untuk meningkatkan tahap kecekapan perkhidmatan serta menggembeleng tenaga yang optimun melalui perkongsian strategik antara agensi dan sebagainya. Dalam membudayakan inovasi dan kreatif sebagai teras pemikiran utama dalam mencipta penyelesaian masalah yang kreatif, setiap kepimpinan di jabatan perlulah menetapkan momentum masing-masing agar dapat terus memantapkan usaha-usaha mempelbagaikan lagi idea-idea kreatif dan inovasi bagi meningkatkan prestasi dan kualiti di MPSP.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Dengan cara membetulkan yang biasa dan membiasakan yang betul, saya percaya kelemahan dan kesilapan yang sering berulang akan dapat dibanteras, sekali gus ianya dapat menjana budaya *high performance* dalam perkhidmatan awam. Sehubungan itu, penjawat awam khususnya kakitangan MPSP hendaklah berfikiran positif dan terbuka kepada idea-idea baru yang bernas, serta mempunyai keazaman dan semangat yang tinggi untuk mencapai kecemerlangan melalui pendekatan inovatif dan kreatif dalam apa jua tindakan.

Adalah menjadi harapan saya, agar hasrat murni seperti mana yang tersurat dan yang tersirat dalam Fokus MPSP 2012 ini, akan menjadi budaya kerja di MPSP. Justeru ke arah mencapai matlamat ini, semua kakitangan MPSP perlulah terlibat sama, komited dan berkorban demi menjayakan visi dan misi yang dirancang bersama. Selain itu, pemantapan diri perlu dilakukan melalui perubahan sikap, peningkatan kemahiran dan penguasaan ilmu

pengetahuan bagi setiap kakitangan MPSP tanpa merasai erti jemu melalui pembelajaran sepanjang hayat.

Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan syabas dan tahniah kepada kakitangan MPSP samada sumbangan secara langsung mahupun secara tidak langsung di atas pencapaian MPSP selama ini. Kepada seluruh kakitangan MPSP, saya mengucapkan Selamat Maju Jaya dan tingkatkan usaha serta bekerja secara profesional, komited dalam satu pasukan bagi mentransformasikan MPSP ke tahap yang membanggakan. Dalam apa jua tindakan, integriti hendaklah sentiasa disematkan sebagai tunjang utama.

Dengan itu, saya sudahi dengan Wabillah Hitaufik Walhidayah Wassalamualaim wbth.

Sekian, terima kasih.